

04/06/1997

Pendaki Everest terima ganjaran

KUALA LUMPUR, Selasa - Peserta Malaysia-Everest 97 yang berjaya menawan puncak tertinggi dunia itu pada 23 Mei lalu, akan diberi sagu hati dan pengiktirafan sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Sabtu ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sagu hati dan pengiktirafan itu, yang dibincang serta dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu, akan diumumkan Sabtu ini, atau sehari sebelum itu.

Pemangku Perdana Menteri mengumumkan demikian ketika dikunjungi peserta ekspedisi berkenaan selepas mereka pulang dari Kathmandu, Nepal, di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Pada majlis itu, Anwar menerima bendera Malaysia yang dipacak buat pertama kalinya di puncak Everest oleh dua peserta, M Magendran dan N Mohanandas.

Bendera itu diserahkan kepada pasukan itu oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Mac lalu. Bendera itu akan disimpan di Muzium Negara.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang pulang bersama kumpulan itu menjelaskan, setiap seorang daripada 23 pendaki dan kumpulan sokongan projek Malaysia-Everest 97 akan dianugerah darjah kebesaran negara daripada Yang di-Pertua Agong serta sagu hati antara RM20,000 hingga RM50,000 daripada kerajaan.

Ia sebagai pengiktirafan, penghargaan dan perakuan kerajaan serta seluruh rakyat negara ini kerana kejayaan mereka ke kemuncak Gunung Everest setinggi 8,848 meter itu.

Magendran dan Mohanandas masing-masing akan memperoleh imbuhan tambahan RM30,000 menjadikannya RM50,000 seorang, manakala ketua ekspedisi, Nor Ramlee Sulaiman, Mejar Rizan Mat Hassan, Garry Chong Kin Wah dan Mohd Fauzan Hassan menerima sagu hati tambahan masing-masing RM20,000, menjadikan mereka menerima RM40,000 seorang.

Projek Malaysia-Everest 97 dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Jun 1996 dengan kos RM4 juta. Peserta menjalani latihan tiga tahun sebelum berlepas ke Kathmandu, Nepal dan berada di kawasan pergunungan selama tiga bulan sejak 2 Mac lalu.

Rombongan itu terus dibawa ke Jabatan Perdana Menteri untuk upacara sambutan rasmi oleh Pemangku Perdana Menteri sebelum diraikan dengan jamuan tengah hari di sebuah hotel, di sini.

Muhyiddin berkata, pasukan itu akan menghadap Yang di-Pertuan Agong secepat mungkin selain diraikan dalam jamuan negara selepas Dr Mahathir kembali ke tanah air tidak lama lagi.

(END)